1 Disember 2023

Kepada para ibu bapa,

Lindungi Anak-anak Prasekolah Anda Daripada Penyakit Pneumokokal

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan Kempen "***c**atc**h**-**up** **p**neumococcal vaccination*" (CHUPP) PERCUMA untuk kanak-kanak yang lahir pada tahun 2018 dan 2019.

Kempen ini bertujuan untuk melindungi anak anda daripada penyakit pneumokokal yang boleh menyebabkan komplikasi serius kepada paru-paru (pneumonia), telinga (otitis media), darah (sepsis), otak (meningitis) dan juga kematian. Di Malaysia, penyakit pneumokokal adalah punca utama jangkitan yang teruk dan kematian di kalangan kanak-kanak di bawah umur lima tahun.

Di bawah kempen CHUPP ini, kanak-kanak yang layak akan menerima satu (1) suntikan dos vaksin yang mampu untuk melindungi mereka. Walaubagaimanapun, pemberian vaksin percuma ini hanya diberikan **sehingga bulan Mei 2024**. Oleh itu, kami ingin menggesa para ibu bapa untuk membuat temujanji sekarang melalui MySejahtera atau di klinik kesihatan berhampiran anda.

Jangkitan pneumokokal boleh berlaku bila-bila masa sahaja. Jangan lepaskan peluang ini untuk melindungi anak anda dengan vaksinasi percuma secepat mungkin!

Untuk maklumat lanjut, layari https://immunise4life.my/ms/chupp-bm/. Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi wakil sekretariat Immunise4Life (IFL) di secretariat@immunise4life.my.

Yang benar,

PROGRAM IMMUNISE4LIFE

PROFESOR DATUK DR ZULKIFLI ISMAIL

Pengerusi, Jawatankuasa Teknikal

Immunise4Life Secretariat c/o Ultra Works Sdn Bhd
23-5, Block B, The Suites, Jaya One, 72A Jalan Profesor DiRaja Ungku Aziz, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Email: secretariat@immunise4life.my Tel: +6012 284 1628